



**PERHIMPUNAN BULANAN  
JABATAN KIMIA MALAYSIA  
JANUARI 2020**

**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA  
TUAN HAJI MOHAMED ZAINI BIN  
ABDUL RAHMAN  
KETUA PENGARAH  
JABATAN KIMIA MALAYSIA**

**15 JANUARI 2020  
DATARAN KIMIA MALAYSIA  
8.30 PAGI**

## **(Salutasi)**

*Bismillahirrahmanirrahim*

- Terima kasih saudara dan saudari  
Pengacara Majlis
- **Yang Berusaha Tuan Haji Abdul  
Rahim bin Shadan**  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
- **Yang Berusaha Puan Rusnah binti  
Rohani**  
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- **Pengarah-Pengarah Kanan**
- **Pengarah-Pengarah Bahagian**

- **Serta Tuan-tuan dan Puan-puan, warga KIMIA yang saya kasihi sekalian.**

1. Assalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
2. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Perhimpunan Bulanan KIMIA Malaysia yang pertama bagi tahun 2020 ini.

3. Selamat Tahun Baharu saya ucapkan kepada semua warga kerja KIMIA Malaysia dan ribuan terima kasih atas segala komitmen dan sumbangan yang telah Saudara/Saudari berikan sepanjang tahun 2019.

4. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada **Bahagian Pembangunan dan Teknologi Maklumat (PTM)** serta **Pusat Latihan KIMIA Malaysia (PLKM)** atas penganjuran

Perhimpunan Bulanan kita pada pagi ini.

5. Terima kasih saya tujukan kepada Pusat Analisis SEKITARAN dan Pusat Analisis INDUSTRI atas kerjasama yang diberikan semasa lawatan kunjung hormat TYT Ihsan Ovut, *Secretary General, Standards and Metrology Institute for Islamic Countries* (SMIIC), Turki pada 17 Disember 2019 lalu.
6. Pada hari yang sama, KIMIA Johor telah terlibat dalam Program *Mock*

*Drill Pasir Gudang Emergency Mutual Aid* bertempat di Kampung Tanjung Langsat, Pasir Gudang. Syabas saya ucapkan kepada pegawai-pegawai yang terlibat.

7. Ucapan penghargaan dan terima kasih khas saya tujukan kepada Setiausaha Kehormat dan barisan Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan serta ahli-ahli Kelab yang dapat hadir menjayakan penganjuran Majlis Malam Mesra KIMIA 2019 di Dewan Banquet Majlis Bandaraya

Petaling Jaya pada 20 Disember 2019.

8. Tidak dilupakan, ucapan syabas dan tahniah kepada seramai 23 pegawai pelaksana berbagai gred yang telah dinaikkan pangkat bulan Disember lepas.

Saudara/Saudari sekalian,

9. Kita telah berjaya mengharung segala onak, segala liku dan segala cabaran pada tahun 2019. Kita juga telah menjalankan serta menunaikan

amanah dan tanggungjawab kita bersama ke arah memastikan prestasi penyampaian perkhidmatan Jabatan kekal cemerlang. Tahniah saya ucapkan.

10. Alhamdulillah, tahun 2020 yang diberikan kepada kita ini, datang bersamanya satu tanggungjawab, satu amanah, dan satu misi yang saya jangka akan lebih mencabar dengan ekspektasi tinggi diletakkan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh KIMIA Malaysia. Kehadiran tahun



baharu 2020 ini tentu sekali menuntut komitmen berterusan kita semua untuk menyumbangkan perkhidmatan yang cemerlang bagi mengupayakan sistem penyampaian yang terbilang.

11. Oleh itu, kerjasama daripada semua warga kerja dan pemegang taruh (*stakeholders*) amatlah diharapkan dalam meneruskan pelaksanaan Agenda 2020 bagi memastikan KIMIA Malaysia berada pada tahap kesiapsiagaan tinggi dalam

menghadapi apa jua situasi agar kita tetap cemerlang dan relevan.

12. Demi mencapai Agenda 2020 ini, sebanyak 6 halatuju akan menjadi panduan pelaksanaan kerja KIMIA Malaysia; iaitu,

**Pertama: Perkhidmatan berteraskan nilai**

13. Penetapan hala tuju perkhidmatan berteraskan nilai (*values-driven services*) adalah sangat tepat dalam usaha memperkasakan budaya kerja

KIMIA Malaysia. Apa yang perlu kita beri tumpuan adalah kepada tiga nilai dan budaya teras yang perlu kita bina bersama di tempat kerja, iaitu: kasih sayang (*love*), kebahagiaan (*happiness*) dan saling menghormati (*mutual respect*) atau dalam erti kata lain “*love your job, be happy and respect each other*”.

Saudara/Saudari sekalian,

14. Jabatan harus menjadi tempat yang paling membahagiakan dengan penuh

keseronokan, agar ia mampu menyemai rasa kasih dan sayang terhadap perkhidmatan yang kita berikan. Jabatan juga harus menjadi tempat di mana perbezaan bukan sahaja dihormati, tetapi dihargai dan dirayakan.

15. Budaya kerja di luar kelaziman seperti bekerja melepasi dan melangkaui tahap keupayaan lazim atau kebiasaan, di luar lingkungan kotak pemikiran biasa, harus menjadi

sandangan demi keberhasilan yang luar biasa.

16. Namun, ianya tidak dapat dicapai sepenuhnya tanpa prasarana yang kondusif dan selamat. Oleh itu, perkhidmatan berteraskan nilai harus selari dengan kemudahan persekitaran dan infrastruktur. Kita telah kemukakan surat niat kepada MESTECC untuk menyewa ruang pejabat dan ruang makmal di sekitar Lembah Kelang.

17. Kita juga telah senaraikan berbagai kemudahan fizikal, sistem dan infrastruktur bagi seluruh KIMIA Malaysia, Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan, yang perlu diganti atau ditambahbaik dan dinaiktaraf termasuklah kemudahan kuarters di KIMIA Bintulu.

18. Bagi urusan tukar milik tanah Persekutuan Projek Pembangunan KIMIA Lahad Datu, ianya baru bermula tetapi telah ada permohonan tambahan dari pelanggan kepada

MESTECC agar turut membina satu lagi Cawangan KIMIA di Wilayah Persekutuan Labuan.

Saudara/Saudari sekalian,

19. Kita harus sedar bahawa urusan penyelenggaraan dan naik taraf akan dilaksanakan secara berperingkat dan memakan masa kerana ianya bergantung kepada peruntukan kewangan yang diluluskan. Apa yang saya harapkan adalah untuk kita semua tumpukan kepada pengukuhan dan pemerksaan perkhidmatan

saintifik yang kita berikan dan lebih berfokus kepada inklusiviti, berbudaya kerja serta perkhidmatan par excellence dengan nilai-nilai murni yang membawa kepada keutuhan organisasi.

## **Kedua: Peningkatan kualiti semua peringkat**

20. Kita juga perlu jadikan peningkatan kualiti semua peringkat sebagai hala tuju yang harus dicapai bersama. Ini merangkumi tiga aspek iaitu



kecemerlangan, relevansi dan keberkesanan dalam semua kerja pengoperasian Jabatan tidak kira sama ada ianya melibatkan sistem kualiti, ujian-ujian kemahiran, kalibrasi, latihan, khidmat pengurusan, kewangan, stor, dan lain-lain lagi.

21. Peningkatan kualiti termasuklah juga idea-idea baharu dan sentiasa melakukan penambahbaikan, demi mencapai keberhasilan, selain mempiawai diri serta meningkatkan kompetensi dan nilai tambah supaya

penandaaras kita (*our benchmarking*) bukan lagi sekadar menjadi jaguh kampung, akan tetapi untuk menjadi Pelaku Global yang lebih sistematik dan berdaya maju.

22. Oleh itu, saya menyarankan agar semua warga kerja KIMIA Malaysia termasuk diri saya sendiri untuk terus melipat gandakan usaha dalam meningkatkan kualiti diri menjadi multi-tasking, multi-skills, multi-talented, berbudaya kreatif lagi berinovatif, yang mampu menyumbang kepada budaya

kerja *'high productivity'*, *'high value'*, *'high thinking'*, *'high skills'* dan *'highly motivated'*, untuk sentiasa bekerja keras bagi mencapai kejayaan demi KIMIA Malaysia, MESTECC dan Malaysia.

### **Ketiga: Kesiapsiagaan dan Kompetensi**

23. Pencapaian KIMIA Malaysia dalam tahun 2019 telah menyediakan asas yang kukuh untuk kita memasuki tahun 2020 ini dengan kesiap-siagaan

yang ampuh. Ini kerana tahun 2019 telah menyedar dan membuka minda kita untuk sentiasa bersiap sedia apabila berlakunya insiden Sg. Kim Kim, Kuala Koh dan Pasir Gudang.

24. Kita tidak boleh menjadi leka dan tidak mengendahkan perihal-perihal di luar jangka yang boleh mencetus krisis. Dalam keadaan seperti ini, warga KIMIA Malaysia harus berada dalam keadaan kesediaan dan kesiapsiagaan yang tinggi untuk mengambil tindakan segera dan

memberi komitmen penuh kepada tugas dan tanggungjawab demi kesejahteraan rakyat.

25. Justeru, kita perlu mantapkan Pasukan Bencana yang lebih fokus dalam menguruskan perihal bencana yang berlaku. Di samping perolehan perkakasan dan peralatan bencana melalui bajet khas bencana sebanyak RM 18 juta yang kita perolehi tahun ini, kita akan juga adakan program-program pembangunan sumber manusia selaras dengan kehendak

semasa untuk meningkatkan kompetensi dan daya saing pegawai ke arah menyampaikan perkhidmatan yang memenuhi kualiti seterusnya dapat merealisasikan harapan rakyat dalam tempoh menghadapi bencana.

26. Sememangnya tanggungjawab yang diberi kepada tuan-tuan amatlah besar dan sangat dituntut. Saya yakin, dengan kerjasama semua pihak saling berganding bahu, akan lahirkan warga KIMIA Malaysia yang sentiasa waspada dan peka terhadap bencana.

27. Pada kesempatan ini, saya menggesa Saudara-Saudari untuk terus melangkah maju ke hadapan dalam membentuk sebuah Pasukan Bencana yang mantap dan siapsiaga, sentiasa unggul dan kompeten dalam menguruskan bencana, sebelum, semasa dan selepas berlakunya sesuatu bencana.

**Keempat: Automomi dan Akauntabiliti**

28. *“You have brains in your head. You have feet in your shoes. You can steer*

*yourself in any direction you choose.”*

Kata-kata ini membuktikan bahawa ruang membuat pilihan ialah ruang yang sangat penting, dan setiap individu harus yakin dan teguh dengan pilihan mereka.

Saudara/Saudari sekalian,

29. Saya yakin setiap individu, Seksyen, Bahagian, Negeri dan Cawangan mempunyai kemahiran dan keunikan yang tersendiri. Atas dasar inilah kita



harus mengutamakan konsep autonomi dan akauntabiliti.

30. Saya juga percaya, pendekatan *top-down* dan *one-size-fits-all* tidak lagi relevan. Setiap kita lebih memahami keperluan sendiri dan perlu diberikan lebih ruang dan kepercayaan untuk membuat keputusan. Akan tetapi, pemberian autonomi ini mesti juga hadir bersama dengan sikap kebertanggungjawaban yang tinggi (akauntabiliti) sekali gus menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti.

## **Kelima: Promosi dan Kolaborasi Strategik**

Saudara/Saudari sekalian,

31. Dari asal kewujudan Jabatan Kimia Malaysia, kita adalah '*the unsung heroes*' yang tidak menonjol, tidak juga dikenali dan hanya membuat kerja dibelakang tabir. Tidak ada sesiapa yang boleh mengubah keadaan ini kecuali kita sendiri.

32. Justeru, kita telah mengambil langkah '*branding*' dengan membuka pintu KIMIA Malaysia kepada media terutamanya RTM dan Kumpulan Media Prima. Beberapa temuramah dan dokumentari telah diadakan dan ianya akan diteruskan oleh Unit Komunikasi Korporat KIMIA Malaysia mengikut pelan media yang disediakan.

33. Kimia bukanlah sekadar satu subjek semata-mata, kita perlu memperkenalkan dan mempopularkan

Kimia sebagai satu cara hidup dan perkhidmatan KIMIA Malaysia sebagai pelengkap kepada kesejahteraan hidup rakyat Malaysia.

34. Akan tetapi, dalam usaha kita memanfaatkan media sebagai agen penyampai maklumat dan promosi perkhidmatan kepada masyarakat, kita tidak dapat lari dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, menyalahgunakan media sosial dengan menyebarkan maklumat atau melemparkan tuduhan dan kritikan

terhadap Jabatan secara melulu. Walaupun untuk mempertahankan diri, jangan sesekali membalas kritikan netizen dengan bahasa yang kurang sopan.

35. Saya ingin mengingatkan diri saya dan saudara saudari sekalian bahawa sebagai seorang penjawat awam, kita hendaklah mengetahui batas-batas perhubungan dalam komunikasi serta mematuhi etika penggunaan media sosial.

36. Langkah '*branding*' seterusnya adalah melalui kolaborasi strategik supaya apa-apa kemajuan dan kejayaan yang boleh kita capai bersama dapat meningkatkan imej dan kredibiliti Jabatan agar KIMIA Malaysia tidak lagi dipandang rendah dan diperlekeh oleh sesiapa mahu pun mana-mana Agensi lain.

37. Dengan itu, kolaborasi strategik akan kita perhebatkan melalui Program RISE (*Research-Industry Scientific Exchange*) serta kolaborasi serantau

atau kolaborasi antarabangsa jika berpeluang.

### **Keenam: Pengantarabangsaan**

Saudara/Saudari sekalian,

38. Gunakanlah kemahiran dan kepakaran yang ada pada diri saudara/saudari untuk menonjol di peringkat antarabangsa. InsyaAllah, kita akan bantu merealisasikannya jika anda mempunyai kredibiliti untuk berbuat demikian.

39. Kita mesti ada strategi, tetapi kita tidak dapat lari daripada keperluan menguasai bahasa Inggeris. Untuk bertarung di pentas global dan membawa KIMIA Malaysia ke persada antarabangsa, penguasaan bahasa Inggeris ialah nilai tambah yang sangat relevan dan mustahak.

40. Kita juga tidak dapat mengelak malah perlu mendepani arus globalisasi yang relevan dengan generasi millennial dengan memahami karakter generasi



yang intim dengan teknologi, lebih jagat dan berfikiran terbuka.

41. Oleh itu, warga KIMIA Malaysia perlu dilengkapi diri dengan pengetahuan teknologi dan komunikasi (ICT), teknologi *blockchain*, kepintaran buatan (*Artificial Intelligence*) dan 'penjagatan internet' (*Internet of Things*), lebih-lagi dalam soal penyimpanan data dan maklumat Jabatan.

42. Ingatlah Saudara/Saudari, kita perlu mempunyai mindset bahawa dunia ini

ialah kelas pembelajaran sepanjang hayat. Kita mesti berusaha untuk melahirkan warga cemerlang yang berfikiran tinggi, yang membaca, yang mempunyai sifat ingin tahu, dan yang relevan dengan keperluan industri, serta mempunyai kearifan tempatan (*local genius*) yang mampu berdaya saing di peringkat global.

Saudara/Saudari sekalian,

43. Harapan saya pada tahun baharu ini adalah dengan adanya keenam-enam Agenda 2020 KIMIA Malaysia tersebut, dapatlah ia memberi manfaat kepada diri kita sendiri dan juga Jabatan dan Negara supaya kita boleh berdiri sama tinggi dengan negara-negara yang maju. Insyallah, sekiranya kita berusaha bersungguh-sungguh, kita akan dapat mencapai matlamat yang kita tujukan.

44. Mustahaknya di sini, *we must transform to be more efficient, breaking the traditional boundaries, to go beyond the usual achievements, and more importantly, we must always raise the bar high and continue to keep the bar high to create more success stories for KIMIA Malaysia.*

45. Sama ada kita suka atau tidak, kita perlu bersedia untuk menyelesaikan masalah melalui penyampaian perkhidmatan saintifik walaupun kadang-kala kita tidak dihargai. *It may*

*be a thankless job, but we must always be thankful that we have a job.*

46. Akhir sekali, saya percaya bahawa segala usaha dan peranan yang telah kita sempurnakan sepanjang tahun lepas telah sedikit sebanyak menambah pengalaman dan kematangan kita di samping memberi pengajaran yang amat berguna kepada kita. Yang baik jadikan penandaaras dan yang sebaliknya jadikanlah sempadan untuk tidak mengulanginya

lagi. Yang baik dipuji, yang jelek diperbaiki.

47. Sebelum saya akhiri ucapan, saya ingin mengucapkan 'Selamat Hari Lahir' kepada warga KIMIA Malaysia yang menyambut ulang tahun kelahiran pada bulan Januari ini.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

Terima kasih.